



01 JAN, 2023

Perlu lebih kreatif perangi ekonomi gelap

Mingguan Sarawak, Malaysia



Perlu lebih kreatif perangi ekonomi gelap



“Apabila saya sebut 30 peratus daripada KDNK adalah ekonomi gelap, mereka (LHDN dan JKDM) perlu memikirkan secara kreatif bagaimana mahu mengurangkan ekonomi gelap itu. Ekonomi gelap ini contohnya orang yang lari daripada cukai, orang yang tipu cukai dan tidak bayar (jumlah) cukai sebenar.”

-Datuk Seri Ahmad Maslan

daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Apabila saya sebut 30 peratus daripada KDNK adalah ekonomi gelap, mereka (LHDN dan JKDM) perlu memikirkan secara kreatif bagaimana mahu mengurangkan ekonomi gelap itu. Ekonomi gelap ini contohnya orang yang lari daripada cukai, orang yang tipu cukai dan tidak bayar (jumlah) cukai sebenar.

“Jika atas usaha-usaha kreatif itu ekonomi gelap boleh diturunkan daripada 30 peratus kepada 10-peratus, maka hasil yang

diperoleh bertambah berpu-luh-puluh bilion, tanpa perlu diadakan cukai baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengada-kan lawatan rasmi ke LHDNM Kuala Terengganu, di Kompleks Perniagaan PB Square, di sini baru-baru ini.

Ahmad berkata bagaimanapun setakat ini tiada sebarang sasaran atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) diberikan kepada LHDN dan JKDM untuk mengurangkan aktiviti ekonomi gelap dan kerajaan juga masih

merangka dasar-dasar untuk mengurangkan ekonomi gelap yang didapati semakin berleluasa sejak pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Dalam pada itu beliau berkata antara langkah lain yang boleh dilakukan oleh LHDN dan JKDM untuk meningkatkan kutipan hasil cukai adalah menguatka-sakan peraturan-peraturan yang sedia ada dengan lebih teliti dan mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat berkaitan untuk mendapatkan bayaran cukai.

- Bernama



01 JAN, 2023

Perlu lebih kreatif perangi ekonomi gelap

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Apabila saya sebut 30 peratus daripada KDNK adalah ekonomi gelap; mereka (LHDN dan JKD perlu memikirkan secara kreatif bagaimana mahu mengurangkan ekonomi gelap itu. Ekonomi gelap ini contohnya orang yang lari daripada cukai, orang yang tipu cukai dan tidak bayar (jumlah) cukai sebenar. ^ -Datuk Seri Ahmad Mas/an

KUALA TERENGGANU: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diminta lebih kreatif dan menggunakan kaedah yang berkesan qntuk memerangi

v aktiviti ekonomi gelap.